

# Matlamat dalam bisnes perlu jelas

MENJALANKAN perniagaan memerlukan kesabaran yang tinggi dan matlamat juga perlu jelas. Menurut Penyelaras Kursus Keusahawanan dan Inovasi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Dr. Noor Azuan Hashim, untuk berjaya dalam perniagaan kita memerlukan kecekalan dan dedikasi yang tinggi. "Dua perkara penting yang perlu ditekankan ialah kesabaran dan



NOOR AZUAN

minat untuk mengusahakan sesuatu perniagaan.

"Percaya kepada diri sendiri, produk, perkhidmatan, syarikat dan pekerja.

"Pelanggan adalah raja, maka berikan perkhidmatan serta produk yang terbaik kepada mereka," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Tambahnya, pengusaha juga perlu menambah ilmu perniagaan.

Tutur Noor Azuan, dalam mengejar kemajuan syarikat, kebajikan pekerja perlu dititikberatkan agar mereka berasa seronok untuk terus memberi perkhidmatan terbaik.

Kayu ukur kejayaan sesebuah perniagaan terbahagi kepada dua iaitu aspek fizikal seperti kita mampu membeli aset dan meluaskan perniagaan.

Kedua, pengusaha itu mampu berkongsi rezeki dengan orang lain seperti membuka peluang

pekerjaan kepada orang ramai.

Beliau turut berpesan agar banyakkann bersedekah kerana ia dapat meluaskan rezeki.

Bagi memastikan perniagaan terus bertahan, Noor Azuan menyarankan agar pengusaha membuat pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan, teknologi serta memantapkan tenaga kerja di samping tidak memperlekehkan pesaing kerana masing-masing mempunyai kekuatan tersendiri.